

PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
2019****NEGERI PERLIS****SIJIL PELAJARAN MALAYSIA****1223/1****PENDIDIKAN ISLAM****Kertas 1****Ogos****2 Jam****Dua jam****JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

- 1 *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
- 2 ***Bahagian A** mengandungi 40 soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan di halaman terakhir.*
- 3 ***Bahagian B** mengandungi empat soalan subjektif. Jawab tiga soalan: **Soalan 1, Soalan 2** dan mana-mana satu soalan berikut. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam helaian tambahan yang disediakan.*
- 4 *Tulis nombor **kad pengenalan** dan **angka giliran** anda pada ruangan yang disediakan.*
- 5 *Ceraikan kertas jawapan daripada kertas soalan dihalaman terakhir. Ikat kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi **13** halaman bercetak.

Bahagian A

[40 markah]

Jawab semua soalan.

Soalan 1 hingga Soalan 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Hitamkan jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan

Kesalahan yang dikenakan hukuman tertentu di dunia dan amaran azab di akhirat.

1. Pernyataan di atas merujuk kepada _____.
A sihir
B kufur
C dosa kecil
D dosa besar

- 2 Semua yang berikut ialah akibat perbuatan syirik jali **kecuali**
A rosak akidah.
B berdosa besar.
C dibenci oleh masyarakat.
D mendapat azab di akhirat.


- 3 Antara berikut yang manakah pandangan Khawarij tentang pelaku dosa besar?
A Berada antara keimanan dan kekufturan.
B Masih lagi mukmin tetapi dianggap fasik.
C Dikurung dan disebat.
D Dianggap kafir.

- 4 Pilih pernyataan yang **benar** mengenai nifak.
A Berpaling daripada agama Islam.
B Berpura-pura melahirkan keimanan.
C Mengingkari ajaran yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW.
D Menyamakan Allah SWT dengan sesuatu pada zat, sifat dan af'al-Nya.

Beriktikad bahawa semua agama adalah sama.

5 Ciri kesesatan ajaran di atas berkaitan dengan ajaran _____.

- A Bahai
- B Syiah
- C Taslim
- D Qadiani



6 **P** dalam rajah di atas ialah _____.

- A Tawaf di baitullah
- B Berniat ihram di miqat
- C Bermalam di Muzdalifah
- D Melontar di jamrah Aqabah

- Memulakan penghidupan bayi dengan penghayatan Islam.
- Tanda kesyukuran atas kurniaan Allah SWT.

7 Pernyataan di atas merujuk kepada hikmah _____.

- A tahnik
- B akikah
- C bercukur
- D berkhatan

- Tanda persetujuan pihak lelaki untuk mengambil perempuan sebagai isteri.
- Pihak lelaki harus memberi hadiah kepada pihak perempuan.

8 Pernyataan di atas merujuk kepada _____.

- A meminang
- B mas kahwin
- C pernikahan
- D walimatulurus

- 9 Antara yang berikut manakah **bukan** larangan dalam ihram bagi jemaah haji wanita?
- A Memotong kuku.
 B Memakai pakaian berjahit.
 C Memburu binatang buruan darat.
 D Menutup muka dan dua tapak tangan.
- 10 Antara berikut yang manakah tempoh idah bagi perempuan yang bercerai hidup dan tidak hamil?
- A Empat bulan sepuluh hari
 B Tiada idah
 C Tiga kali suci
 D Tiga bulan

Barang bernilai yang dijadikan cagaran oleh pemiliknya untuk mendapatkan pinjaman.

- 11 Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian _____.
- A gadaian
 B saham
 C hutang
 D sewa
- Dilahirkan di Kabul
 - Pengarang kitab *al-A'mal al-Kamilah*
 - Keturunannya bersambung dengan Imam *al-Tirmizi*
 - Meninggal dunia pada tahun 1314H
- 12 Pernyataan di atas merujuk kepada tokoh _____.
- A Imam al-Bukhari
 B Imam Abu Hanifah
 C al-Syeikh Muhammad Abdurrahman
 D al-Sayyid Jamaluddin al-Afghani
- 13 Umat Islam pada zaman Kerajaan Bani Abbasiah menguasai ilmu sains dan teknologi daripada bangsa berikut **kecuali**
- A Yaman.
 B Yunani.
 C Parsi.
 D Rom.

- Pengasas mazhab Hanbali.
- Menghasilkan kitab *al-Musnad*.
- Ibnu Qudamah antara muridnya yang masyhur.

- 14 Pernyataan di atas merujuk kepada sumbangan _____.
- A Imam Malik rahimahullah
B Imam Ahmad rahimahullah
C Imam al-Bukhari rahimahullah
D Imam al-Ghazali rahimahullah
- 15 Khalifah al-Makmun telah melakukan usaha-usaha berikut untuk memajukan bidang astronomi **kecuali**
- A memerintah direka peralatan-peralatan khusus.
B memerintah ahli falak mengukur lilitan bumi.
C menterjemah kitab-kitab.
D membina balai cerap.
- 16 Imam al-Ghazali rahimahullah lebih terkenal dengan ilmu _____.
- A tafsir
B hadis
C tauhid
D tasawuf
- 17 Apakah hukum menguruskan jenazah?
- A Sunat.
B Fardu Ain.
C Fardu Kifayah.
D Sunat Muakkad.

18

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيمًا وَفُعْدًا وَعَلَىٰ حُنُوبِهِمْ

Surah Ali Imran : 191

Maksudnya : Orang yang menyebut dan mengingati Allah SWT semasa mereka berdiri, duduk dan berbaring (mengiring) ...

Pernyataan manakah yang paling tepat merujuk kepada ayat di atas?

- A Berzikir boleh dilakukan di masjid.
 - B Berzikir boleh dilakukan selepas solat.
 - C Berzikir boleh dilakukan pada waktu malam.
 - D Berzikir boleh dilakukan di mana-mana sahaja.
- 19 Antara berikut yang manakah **bukan** adab terhadap Rasulullah SAW?
- A Mengamalkan sunnah Nabi.
 - B Menghormati sahabat Baginda.
 - C Mengirimkan salam ke atas Baginda.
 - D Melafazkan selawat ketika nama Baginda disebut.
- 20 Apakah kesan yang akan berlaku jika rakyat tidak menghormati pemimpin?
- A Musuh akan mengambil kesempatan melemahkan negara.
 - B Rakyat mempunyai semangat daya saing yang tinggi.
 - C Pembangunan negara berjalan lancar.
 - D Ekonomi negara akan meningkat.

Soalan 21 hingga Soalan 40

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.


- 21 Melemparkan tuduhan kepada seseorang tanpa bukti merujuk kepada pengertian _____.

_____.

- 22 Riba al-Nasiah ialah pertambahan yang diperolehi kerana _____ bayaran.

- 23 Hubungan jenis antara lelaki dengan lelaki dinamakan _____.

- 24 Hukuman terhadap penzina bukan muhsan ialah _____.




- 25 Q dalam rajah di atas ialah _____.

- 26 _____ ialah sejenis bahan yang menghayalkan dan menghilangkan daya fikir.

- 27 Salah satu cara beradab kepada Rasulullah SAW dengan perbuatan ialah _____.

_____.

- 28 Antara sebab mengharuskan haji diwakilkan kepada orang lain ialah kerana terlalu tua dan _____.



- 29 R dalam rajah di atas ialah _____.

- 30 Hukum khuluk adalah _____ bagi isteri yang yakin tidak sesuai dengan suaminya dan bimbang berlaku penderhakaan terhadapnya.

- 31 _____ ke atas jenazah adalah dilarang dalam Islam.
- 32 Umat Islam dibolehkan mengucapkan _____ kepada keluarga jenazah tidak melebihi 3 hari.
- 33 Orang yang beradab dengan Rasulullah SAW sama ada ketika Baginda hidup atau wafat layak mendapat _____ di akhirat.
- 34 Makmal pembedahan pertama dibina oleh Khalifah _____.
- 35 Saidina Uthman bin Affan telah mengumpul dan membukukan al-Quran dalam satu naskhah yang dikenali sebagai _____.
- 36 Umat Islam pada zaman Kerajaan Abbasiah berjaya menguasai _____ dunia.
- 37 Kitab Tafsir al-Azhar adalah antara karya terkenal _____.

- Islam
- Sempurna akal
- Dewasa iaitu berusia matang

- 38 Pernyataan di atas merujuk kepada _____ mendapat hak hadanah.
- 39 Berpuasa selama 10 hari iaitu tiga hari di Mekah dan tujuh hari di kampung halaman ialah denda bagi dam _____.
- 40 Orang yang mendapat kemanisan iman memiliki _____ yang tinggi dan mulia di sisi Allah SWT.

Bahagian B**[60 markah]*****Jawab tiga soalan***

Soalan 1 , Soalan 2 mesti dijawab dan pilih mana-mana satu soalan daripada Soalan 3 atau Soalan 4.

- 1 (a) Orang yang berdosa masih diberi peluang oleh Allah SWT untuk bertaubat.
- (i) Apakah maksud taubat? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** syarat taubat. [4 markah]
- Rakan anda sering melakukan maksiat.. Beliau enggan bertaubat dan menganggap umurnya masih muda.
- (iii) Berdasarkan situasi di atas, bagaimanakah tindakan yang wajar anda lakukan terhadapnya? [4 markah]
- (b) Umat Islam di Malaysia berpegang dengan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah.
- (i) Namakan **dua** nama lain bagi Ahli Sunnah wal Jamaah. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** kepentingan berpegang kepada akidah Ahli Sunnah wal Jamaah. [4 markah]
- (c) Membunuh diri merupakan unsur negatif yang membawa kepada kehancuran umat.
- (i) Nyatakan maksud membunuh diri. [2 markah]
- (ii) Jelaskan sebab Allah mengharamkan perbuatan membunuh diri. [2 markah]

2 (a) Jual beli adalah salah satu bentuk muamalah yang diharuskan dalam Islam bagi memudahkan urusan kehidupan.

(i) Apakah maksud jual beli ? [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** jenis jual beli yang dilarang tetapi sah. [4 markah]

(iii) Perniagaan *online* membawa kebaikan kepada umat Islam dalam mengembangkan ekonomi. Berikan pandangan anda.

[4 markah]

(b) Fasakh dan khuluk adalah dua cara penyelesaian kepada masalah yang berlaku dalam rumah tangga.

(i) Nyatakan maksud khuluk. [2 markah]

(ii) Jelaskan dua perbezaan antara fasakh dengan khuluk. [4 markah]

(c)

لِيُنْفِقَ دُوْسَعَةٍ مِّنْ سَعْتِهِ

Maksudnya: Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya....(al-Talaq: 7)

Berdasarkan saranan ayat di atas, terangkan **dua** tanggungjawab seorang suami dalam mengekalkan kebahagiaan rumah tangga. [4 markah]

- 3 (a) (i) Jelaskan **dua** dasar pentadbiran Khulafa al-Rasyidin [4 markah]
- (ii) Terangkan bukti ketegasan Saidina Ali bin Abi Talib. [2 markah]
- (b) Al-Sayyid Jamaluddin al-Afghani merupakan tokoh pidato dan juga penggerak perjuangan menentang penjajah.
- (i) Nyatakan **dua** akhbar yang diasaskan oleh beliau. [2 markah]
- (ii) Terangkan keperluan Islah dalam hidup umat Islam masa kini. [2 markah]
- (c) Berzikir ialah mengingati Allah SWT dengan hati, lisan dan perbuatan. Cara ini boleh menghubungkan manusia dengan pencipta-Nya.
- (i) Jelaskan **dua** adab berzikir yang digariskan oleh Islam. [4 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** contoh lafadz zikir. [2 markah]
- (iii)
- Maksudnya : Ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia. (al-Ra'd : 28)
- Berdasarkan ayat al-Quran di atas,uraikan cara untuk mendapat ketenangan hati melalui zikir. [4 markah]

- 4 (a) (i) Jelaskan **dua** kesan positif penyebaran Islam zaman Kerajaan Abbasiah dari segi ilmu pengetahuan. [4 markah]
- (ii) Terangkan faktor dalaman penyebaran Islam zaman Kerajaan Abbasiah. [2 markah]
- (b) Imam al-Syafie rahimahullah merupakan tokoh terkemuka dalam ilmu *fiqh* dan *usul fiqh*.
- (i) Nyatakan nama kitab yang masyhur dan nama mazhab aliran pemikirannya. [2 markah]
- (ii) Terangkan bukti kehebatan yang menunjukkan beliau seorang ulama yang berwibawa [2 markah]
- (c) Sedekah dan hadiah merupakan perbuatan yang dilakukan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.
- (i) Nyatakan **dua** jenis sedekah dalam Islam. [4 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** adab memberi hadiah dan sedekah. [2 markah]
- (iii) Amalan bersedekah dan memberi hadiah memberi manfaat dan faedah kepada masyarakat.
- Huraikan hujah anda untuk menyokong pernyataan tersebut. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A**NO. KAD PENGENALAN**

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

- | | | | | | | |
|----|-------------------------|------------------------------------|-------------------------|-------------------------|----|-------|
| 1 | <input type="radio"/> A | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 21 | |
| 2 | <input type="radio"/> A | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 22 | |
| 3 | <input type="radio"/> A | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 23 | |
| 4 | <input type="radio"/> A | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 24 | |
| 5 | <input type="radio"/> A | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 25 | |
| 6 | <input type="radio"/> A | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 26 | |
| 7 | <input type="radio"/> A | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 27 | |
| 8 | <input type="radio"/> A | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 28 | |
| 9 | <input type="radio"/> A | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 29 | |
| 10 | <input type="radio"/> A | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 30 | |
| 11 | <input type="radio"/> A | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 31 | |
| 12 | <input type="radio"/> A | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 32 | |
| 13 | <input type="radio"/> A | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 33 | |
| 14 | <input type="radio"/> A | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 34 | |
| 15 | <input type="radio"/> A | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 35 | |
| 16 | <input type="radio"/> A | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 36 | |
| 17 | <input type="radio"/> A | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 37 | |
| 18 | <input type="radio"/> A | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 38 | |
| 19 | <input type="radio"/> A | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 39 | |
| 20 | <input type="radio"/> A | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 40 | |

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1 hingga 40	40	
B	1	20	
	2	20	
	3	20	
	4	20	
Jumlah		100	